

AN APPROACH IN DEALING WITH CORRUPTION ACCORDING TO MAQASID SYARIAH

PENDEKATAN MENANGANI RASUAH MENURUT MAQASID SYARIAH

Azman Ab Rahmanⁱ, Nur Wahida Lokmanⁱⁱ, Lutfi Mohamed Zainⁱⁱⁱ, Syed Mohd Najib Syed Omar^{iv} & Setiawan Gunardi^v

ⁱ *Corresponding author*). Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Penyelaras, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). azman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). wadaaa@raudah.usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). lutfi@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). syednajib@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). setiawan@usim.edu.my

Abstract	<p><i>Corruption among public and private workers has become a hotly debate issue that has damaged the country's image in the eyes of the world. According to the Malaysian Anti-Corruption Commission's (SPRM) report, the statistics of arrests from 2014 to 2021 increased sharply to 205 percent, from 552 cases to 1125 cases. In fact, Malaysia has recorded a loss of almost RM 1.8 Trillion due to corrupt practices. Various measures and initiatives to prevent corruption in Malaysia have been taken by the government but reports on corruption continue to rise and show no reduction. These efforts need to be reviewed based on the syariah framework so that improvements can be made to reduce the problems related to corruption. Therefore, the purpose of this study is to analyze the concept of corruption and study the approach to deal with it based on the maqasid syariah. The qualitative study used in this research are documentation and observation methods. The study found that corruption is an act that is prohibited in Islam. The approach to tackling corruption based on maqasid syariah in the context of hifz Al-nafs can be implemented by applying thahirun nafs's concept, ensuring employment from halal sources and practicing good work ethic. While in the context of hifz Al-mal it can be implemented by applying fairness in management, updating governance with trust and formulating ta'azir punishment for corruption offenders. It is hoped that this study can be used as a reference and guide the authorities to curb corruption in the context of Islam and ensure the community and individuals in office are free from corruption. Further studies related to the factors of Muslims committing corruption can also be implemented in the future so that the proposed approach can be applied in tackling corruption in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: Corruption, Maqasid, Syariah, Approach, Image.</p>
Abstrak	<p><i>Gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam mahupun swasta sering menjadi isu polemik yang sangat hangat diperkatakan sehingga merosakkan imej negara di mata dunia. Menurut laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah</i></p>

Malaysia (SPRM), statistik jumlah tangkapan dari tahun 2014 hingga 2021 berlaku kenaikan mendadak sehingga 205 peratus iaitu bersamaan dengan 552 kes kepada 1125 kes. Bahkan Malaysia telah mencatatkan kehilangan hampir RM 1.8 Trillion disebabkan kegiatan amalan rasuah. Pelbagai langkah dan inisiatif bagi mencegah kegiatan rasuah di Malaysia telah diambil oleh pihak kerajaan namun laporan terhadap kegiatan rasuah terus menerus menaik tanpa menunjukkan sebarang tanda penurunan. Usaha ini perlu dikaji semula berdasarkan kerangka syariah supaya penambahbaikan dapat dilakukan seterusnya mampu mengurangkan permasalahan berkaitan rasuah. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep rasuah menurut Islam dan mengkaji pendekatan menanganinya berdasarkan maqasid syariah. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa rasuah merupakan satu perbuatan yang dilarang dalam agama Islam. Pendekatan menangani rasuah berdasarkan maqasid syariah dalam konteks hifz Al-nafs boleh dilaksanakan dengan menerapkan konsep thahirun nafs, memastikan hasil pekerjaan daripada sumber halal dan mengamalkan etika kerja yang baik. Manakala dalam konteks hifz Al-mal ia boleh dilaksanakan dengan menerapkan sifat adil dalam pengurusan, mengemaskini urus tadbir dengan amanah dan merangka hukuman ta'azir bagi pesalah rasuah. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak yang berwajib bagi membendung jenayah rasuah dalam konteks Islam untuk menjamin masyarakat dan individu berjawatan bebas daripada gejala rasuah. Kajian lanjutan berkaitan dengan faktor orang muslim melakukan jenayah rasuah juga boleh dilaksanakan pada masa akan datang agar pendekatan yang dicadangkan boleh diterapkan dalam menangani rasuah di Malaysia.

Kata Kunci: *Rasuah, Maqasid, Syariah, Pendekatan, Imej.*

PENDAHULUAN

Rasuah merupakan kesalahan yang telah lama berlaku dalam sejarah tamadun manusia. Menurut ahli sejarah amalan rasuah ini telah berlaku serentak dengan kewujudan sistem pemerintahan dan politik (Zulkifli, 1990). Terdapat beberapa kes rasuah dalam kalangan pemerintah negara seperti kes presiden Filipina Ferdinand Marcos, Shah Reza dari Iran, Ceausescu dari Romania dan Presiden Richard Nixon dari Amerika Syarikat yang masing-masing telah dihukum akibat penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran.

Begitu juga di Malaysia pekerja dari sektor swasta mahupun penjawat awam tidak terkecuali daripada kesalahan rasuah. Menurut laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), statistik jumlah tangkapan bagi kesalahan rasuah di Malaysia dari tahun 2014 sehingga 2019 menunjukkan kenaikan mendadak sehingga 205 peratus iaitu 552 kes kepada 1135 kes. Bahkan Malaysia turut mencatatkan kehilangan hampir RM 1.8 Trillion disebabkan kegiatan amalan rasuah.

Pelbagai langkah telah diambil oleh SPRM bagi mencegah kegiatan rasuah seperti yang terkandung dalam seksyen 7(d) hingga 7(g) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 seperti mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur, memberi khidmat nasihat, mendidik orang ramai agar menentang rasuah serta memelihara sokongan mereka dalam memerangi rasuah. Mereka turut menyediakan modul dan mengadakan bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah, membangunkan pelan antirasuah organisasi (OACP), ikrar integriti korporat (CIP) dan pengurusan integriti agensi. Terdapat beberapa kes rasuah yang berprofil seperti kes yang telah selesai sabitannya iaitu kes Skandal Air Sabah serta Pemain T-Team yang mendapat imbuhan hasil daripada mengatur perlawanan. Kes skandal 1MDB dan SRC International pula merupakan kes yang masih dalam sisatan pihak bertanggungjawab (Institut Pengajian Tinggi, 2020).

Islam amat mementingkan konsep amanah dalam diri seseorang pemimpin dan dalam setiap diri orang Islam baik dalam urusan peribadi, keluarga mahupun dalam masyarakat. Membangunkan ekonomi juga disokong oleh Islam dengan syarat ia mengambil kira penjagaan hak setiap masyarakat. Islam melarang seseorang mengambil hak orang lain secara batil termasuklah perbuatan rasuah kerana ia merupakan pemberian yang diberikan seseorang untuk membenarkan pemilikan yang salah atau membatalkan sesuatu pemilikan yang benar.

Islam amat melarang umatnya memberi rasuah dan juga menerima rasuah kerana ia merupakan satu perbuatan dosa dan mesti dijauhi oleh setiap orang Islam. Amalan menjauhi rasuah dapat membantu mencapai *maqasid syariah* yang menjadi objektif kepada syariah terutamanya *maqasid* utama iaitu *daruriyah al-khamsah*. Menjaga *maqasid* bermakna kemaslahatan masyarakat terjaga dan dapat membentuk satu negara yang aman bebas dari perbuatan mengambil hak orang lain secara salah.

Rasuah merupakan masalah yang berleluasa di mana-mana negara yang mana ia memberi satu impak negatif kepada ruang kehidupan manusia. Mengikut kepada Indeks Ketelusan Persepsi Rasuah Antarabangsa, negara yang sering dinobatkan sebagai negara yang tinggi dalam kes rasuah merupakan dari negara yang majoriti penduduknya adalah orang Islam. (Fethi, 2018).

Kebanyakan kajian tentang kaedah menangani rasuah dilaksanakan dari perspektif Barat. Oleh itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan berkenaan konsep rasuah menurut Islam serta mengkaji pendekatan menanganinya menggunakan pendekatan *maqasid syariah*.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan yang memperlihatkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data terhadap penyelidikan yang digunakan. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data.

SOROTAN LITERATUR

Rasuah merupakan suatu gejala sosial yang diwarisi hampir dalam setiap masyarakat sejak daripada zaman awal peradaban. Ia merupakan suatu amalan yang universal tanpa batasan sempadan, negara, bangsa, kaum atau adat. Antara punca-punca amalan rasuah boleh berlaku adalah disebabkan sifat tamak haloba, integriti rendah, kelemahan tadbir urus, kelemahan dalam penguatkuasaan dan tarikan untuk mencapai kekayaan dan kesenangan dengan cepat dan mudah melalui jawatan dan kuasa yang dimiliki (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), 2019).

Menurut kajian Akbar Satar (2020) menyatakan bahawa peningkatan amalan rasuah di Malaysia dalam kalangan penjawat awam mahupun swasta semakin serius. Amalan rasuah boleh menyebabkan berlakunya aktiviti pelacuran, pendatang asing tanpa izin (PATI) yang berleluasa & Macau Scam. Empat punca berlakunya rasuah disebabkan peluang, tekanan, rasionalisasi dan kemampuan. Beliau mencadangkan beberapa langkah dalam membanteras amalan rasuah melalui kaedah kebebasan bersuara dan kebebasan media.

Selain itu, Enida Daud et.al (2019) telah membuat kajian berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah dalam kalangan penjawat awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Hasil analisa mendapati niat untuk melakukan rasuah dipengaruhi oleh faktor dalaman (sikap mengabaikan nilai dan tuntutan agama, sikap pentingkan diri dan sikap inginkan gaya hidup mewah melebihi kemampuan) dan faktor luaran (pengaruh keluarga dan rakan sekerja, peluang dan prosedur kerja tidak jelas). Sekiranya faktor-faktor tersebut merupakan punca berlakunya rasuah, jalan penyelesaiannya adalah berdasarkan pencegahan rasuah berdasarkan kerangka syariah di

mana cara hidup perlu didasari dengan agama supaya ia tidak bercanggah dengan kehendak agama untuk menjauhi perkara-perkara batil seperti amalan rasuah.

Noraida Harun & Zaidi Hassim (2017) telah menyatakan bahawa faktor berlakunya rasuah dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan wujudnya peluang, lemah sahsiah peribadi, birokrasi, kelemahan peraturan atau sistem pelaksanaan kerja & masalah kenaikan kos sara hidup). Kajian daripada Jamaie Hamil (2020) tentang hubungan ahli-ahli politik terhadap bidang perniagaan. Kesannya gejala rasuah sukar dibanteras sekiranya penglibatan ahli-ahli politik dalam bidang perniagaan masih berterusan. Hal ini kerana penglibatan mereka dalam bidang politik adalah bukan untuk memperjuangkan hak rakyat, namun ia dilihat sebagai satu medan yang boleh mendatangkan keuntungan dengan mudah.

Selain itu, beliau turut mempersoalkan bahawa keberkesanan pelan-pelan kerajaan dalam menangani permasalahan rasuah yang saban tahun meningkat menerusi laporan SPRM secara tahunan. Pendekatan yang diperkenalkan adalah sangat baik namun pelaksanaan yang dilakukan agak kurang memberangsangkan. Oleh sebab itu, pendekatan dalam pelan-pelan kerajaan tersebut perlu ditambah baik terutama menggunakan pendekatan maqasid syariah merupakan salah satu kaedah yang boleh mengurangkan serta mencegah rasuah dengan lebih berkesan.

Berdasarkan kajian terdahulu, penyelidik mendapati masalah asas berlakunya rasuah adalah berpunca daripada sikap individu yang lemah terhadap penghayatan agama seterusnya menjadi virus kepada masyarakat dan meruntuhkan ekonomi sesebuah negara. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membanteras kegiatan rasuah menerusi penguatkuasaan undang-undang menerusi Akta SPRM 2009, memperkenalkan pelan antirasuah Nasional (NACP 2019-2023) dan lain-lain.

Namun masih terdapat kegiatan rasuah yang berleluasa sehingga menyebabkan peningkatan kes rasuah dalam kalangan rakyat Malaysia serta kemerosotan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) sejak kebelakangan ini. Oleh yang demikian, pendekatan pencegahan rasuah berdasarkan maqasid syariah adalah amat kompeten untuk dibangunkan dan dilaksanakan sebagai satu transformasi baharu seiring dengan usaha kerajaan dalam memperkasakan pelan anti rasuah nasional sebagai medan untuk membanteras kegiatan rasuah secara berleluasa.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada konsep rasuah menurut Islam dan pendekatan menanganainya berdasarkan *maqasid syariah* dalam konteks *hifzu Al-nafs* dan *hifzu Al-mal*. Perkara ini akan dibincangkan secara mendalam menurut pandangan ulama dulu dan kontemporari.

Konsep Rasuah Menurut Islam

Perkataan 'rasuah' berasal daripada perkataan arab iaitu '*risywah*' di mana kata dasarnya adalah '*rasya*' yang memberi makna 'tali yang diikat pada timba dan digunakan untuk mengambil air dari perigi' (Ahmad, 2008). Menurut Al-Fayyumi, al-Risywah adalah sesuatu yang diberikan oleh seseorang kepada hakim atau orang lain, agar hakim itu memenangkannya atau agar hakim memutuskan hukum mengikut keinginannya (Al-Fayyumi, 1909).

Menurut Ibnu Nujaim dari mazhab Hanafi, rasuah merupakan sesuatu yang diberikan seseorang kepada pemerintah atau hakim atau sesiapa sahaja yang seumpama dengannya atas tujuan mengubah keputusan perbicaraan atau mengikut kehendaknya (Al-Suyuti, t.th). Manakala takrifan rasuah oleh Mazhab Maliki adalah lebih umum iaitu ia merupakan sesuatu yang diberikan oleh sesiapa sahaja kepada seorang yang lain untuk menafikan hak orang lain (Al-Rahuni, t.th). Mazhab Shafie dan Hanbali pula berpendapat bahawa rasuah adalah sesuatu yang diberikan kepada hakim supaya hakim mengubah keputusan kehakimannya (Al-Suyuti, t.th).

Menurut ulama kontemporari, Yusuf Al-Qardawi (1991), rasuah merupakan satu jenayah dengan memberikan sesuatu kepada seseorang yang mempunyai kekuasaan atau jawatan untuk memenangkan kesnya dengan menewaskan lawan-lawannya sesuai dengan apa yang dia inginkan. Ia juga merupakan satu tindakan penyalahgunaan kepercayaan dan kuasa untuk kepentingan peribadi (Syed Hussein Al-Attas, 1995). Berkata Ibn Qudamah (t.th) sedekah dihulur kerana Allah manakala rasuah itu dibayar untuk mendapatkan tujuan duniawi dengan segera.

Rasuah menurut Kamus Dewan edisi keempat sebagai pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap, sogok, suap). Menurut kamus Oxford Learner's Dictionary, rasuah bermaksud sejumlah wang atau sesuatu yang berharga yang diberikan atau ditawarkan kepada seseorang untuk memujuk mereka membantu terutamanya dalam melakukan perkara yang tidak baik. Dalam Bahasa Inggeris, *bribery* merujuk kepada pemberian rasuah manakala penerimaan rasuah dipanggil *corruption* (Noraida Harun, 2017).

Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 pula rasuah merupakan penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan ini terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah atau diskaun (Malaysia, 2009). Rasuah juga dikatakan sebagai satu tindakan pemerasan yang dilakukan oleh seseorang untuk mendapatkan bantuan dan faedah bagi dirinya yang ia tidak dapat perolehi jika mengikut prosedur biasa. Menurut Nurhafifi Yahya (2008) secara amnya rasuah bermakna penyalahgunaan kuasa yang telah diberikan kepada seseorang demi kebaikannya sendiri.

Secara umumnya rasuah merupakan satu jenayah dalam Islam dan hukumnya adalah berdosa besar. Imam Syafie menegaskan dalam kitabnya *Bayan Fi Mazhab Imam Syafie* bahawa haram bagi seorang hakim menerima rasuah bersandarkan kepada Hadis Riwayat Ahmad bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ لعن الله الراشي والمرتشي في الحكم }

Maksudnya: "Allah melaknat pemberi dan penerima rasuah dalam urusan hukum". (Hadis riwayat Imam Ahmad, Bab Shahihul Jami, 5069)

Rasuah adalah diharamkan secara mutlak dan ia disebut secara khusus dalam hadis. Rasuah yang diberikan kepada hakim jauh lebih besar kesannya kerana ia melibatkan penentuan hukum dimana hukum tersebut akan menjadi rujukan kepada kes-kes yang akan datang. Perbuatan ini mengundang kutukan dari Allah dan rasulnya. Kebiasaannya perbuatan rasuah ini akan dikategorikan sebagai rasuah apabila ia mengandungi tiga perkara iaitu pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantara rasuah. Rasulullah SAW telah bersabda:

{ لعن رسول الله الراشي والمرتشي والرائش }

Maksudnya: "Dilaknat (menjadi celaka tidak mendapat rahmat Allah) terhadap pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantaraan rasuah". (Hadis Riwayat Ahmad, 22399; al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Kabir, 1415; al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman, 5503 dan al-Hakim dalam al-Mustadrak, 7068)

Islam melarang umatnya daripada memberi atau menerima rasuah bukan semata kerana ia berdosa akan tetapi juga kerana perbuatan ini membabitkan unsur kezaliman dan mengambil hak orang lain secara batil. Allah S.W.T berfirman:

﴿وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui” (al-Quran. Al-Baqarah: 188).

Ayat di atas jelas melarang manusia daripada mengambil hak orang lain menggunakan cara yang salah termasuklah memberi rasuah. Antara contoh bentuk rasuah yang diberikan dalam ayat adalah apabila seseorang memberi rasuah kepada hakim dengan tujuan supaya hakim memenangkannya kesnya sedangkan dia tahu bahawa dia dipihak yang salah.

Rasuah bukan sahaja dilarang perbuatannya oleh undang-undang malah juga diharamkan disisi agama Islam. Berdasarkan penerangan di atas dapat disimpulkan bahawa satu perbuatan itu akan dikatakan rasuah jika ada suapan diberikan kepada seseorang (sama ada orang tersebut berjawatan atau orang biasa atau hakim) berupa wang atau apa-apa kebendaan atas tujuan mendapatkan sesuatu dengan cara yang batil sama ada dalam pekerjaan mahupun dalam urusan kehakiman. Sebagai seorang pekerja atau pemerintah yang beragama Islam perlulah untuk mereka sedar bahawa perbuatan rasuah bukanlah suatu perkara yang biasa sehingga boleh dijadikan adat dalam kalangan pekerja kerana laknat Allah menanti mereka yang mengambil dan memberinya.

Konsep Maqasid Syariah

Maqasid Syariah terbentuk daripada dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. Dari sudut bahasa, *maqasid* merupakan kata jamak daripada *maqsad* dan *maqsid* yang berasal daripada perkataan *qasada* yang membawa maksud menuju ke suatu arah. *Syariah* pula dari segi bahasa berasal daripada perkataan *syara'a* yang membawa maksud doktrin atau arahan khusus, cara, agama atau undang-undang (Ahmad Mukhtar, 2008). Dari segi istilah, ia merangkumi apa yang diturunkan oleh Allah kepada umat manusia melalui nabi Muhammad SAW (Persekutuan, 2019).

Manakala *maqasid syariah* diertikan sebagai kebaikan yang diinginkan oleh Allah SWT atas pensyariaan hukum syarak (Makhdum, 1999). 'Alal al-Fasi (1966) pula mentakrifkannya sebagai objektif yang datang daripada syariah dan rahsia yang dibuat oleh pembuat syariah bagi setiap hukum hakam. Berdasarkan takrifan di atas dapat disimpulkan bahawa *maqasid syariah* merupakan objektif bagi dalil-dalil yang menyebut tentang hukum syara' di dalam al-quran dan hadis.

Maqasid Syariah diturunkan oleh Allah untuk menjaga kemaslahatan umat manusia. Para ulama telah mengkategorikan *maqasid syariah* kepada tiga *maslahah* iaitu (JAKIM, 2021):

1. Al-Daruriyah

Maslahah ini merupakan masalah utama dalam *maqasid syariah* dimana ia memelihara lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pemeliharaan lima ini dianggap penting dalam kehidupan manusia yang bermasyarakat kerana tanpa mereka hidup manusia akan menghadapi kesukaran baik di dunia mahupun di akhirat. Tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini dianggap sebagai *mafsadah* (JAKIM, 2015). Maksud daripada kelima pemeliharaan ini adalah:

- i. **Pemeliharaan Agama:** Menurut Ibn 'Ashur (2004), menjaga agama bermaksud menyelamatkan iman seseorang muslim daripada perkara-perkara yang mengelirukan atau melemahkan kepercayaannya dan tingkah lakunya. Dalam konteks masyarakat secara keseluruhan memelihara agama bermaksud untuk mempertahankan negara dan kedaulatan Islam serta memelihara pendidikan dan pembelajaran Islam demi masa depan masyarakat Islam. Sebagai orang Islam wajib untuk kita letakkan penjagaan agama di tempat yang teratas.
- ii. **Pemeliharaan Nyawa:** Memelihara nyawa iaitu *hifz an-nafs* adalah dengan memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan

hidup, harta dan maruah, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memnuhi keperluan pekerjaan, pengagihan saksama pendapatan dan kekayaan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil, perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabilan. Islam mengharamkan pertumpuhan darah dengan jalan yang tidak benar. Apabila nyawa tidak terpelihara maka negara akan menghadapi kemusnahan dan ketenteraman juga akan hilang (JAKIM, 2015).

- iii. **Pemeliharaan Akal:** Menurut Ibn 'Ashur (2004), pemeliharaan akal bermaksud memberi perlindungan kepada akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkan. Gangguan kepada akal akan menyebabkan gangguan yang lebih besar kepada masyarakat (JAKIM, 2015). Chapra (2008) memberi penekanan kepada iman kerana iman yang menyediakan hala tuju kepada akal, kerana akal yang tidak dipandu akan membawa kepada penipuan. Oleh itu akal wajib dipelihara oleh manusia dengan nilai murni dan perkara-perkara yang bermanfaat.
- iv. **Pemeliharaan Keturunan:** Konsep *hifz Al-nasl* melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ianya penting untuk memastikan keberentukan masyarakat Islam yang sihat, produktif dan berkesan (Chapra, 2008). Pengharaman melakukan zina dan meraikan perkahwinan merupakan salah satu aspek pemeliharaan keturunan. Ini demi memastikan kelahiran anak yang sah melalui perkahwinan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat Islam. Sekiranya ia tidak dipelihara maka akan runtuh jalur keturunan yang suci serta merosakkan maruah agama, bangsa dan negara (JAKIM, 2015).
- v. **Pemeliharaan Harta:** Menurut Ibn 'Ashur (2004), *hifz Al-mal* bermaksud melindungi kekayaan masyarakat daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan yang tidak berhak dengan cara yang tidak sah. Pengharaman rasuah, amalan riba, penipuan, monopoli yang tidak seimbang dan segala bentuk penyelewengan merupakan satu aspek pemeliharaan harta. Chapra (2008) menekankan pentingnya menggalakkan pengagihan pendapatan dengan adil dan kekayaan dalam pembangunan dan pengembangan kekayaan. Ini supaya semua masyarakat dapat menikmati hak mereka dan memakan hak dengan cara batil dapat dielakkan.

2. Al-Hajiyyah

Maslahah ini merupakan masalah yang tidak akan menjejaskan kehidupan sekiranya ia tiada akan tetapi akan mendatangkan sedikit kesulitan kepada urusan harian manusia. *Maqasid Hajiyyah* ini adalah satu masalah yang diperlukan oleh manusia untuk memudahkan mereka melakukan pekerjaan dan menghindarkan dari kesusahan serta kesukaran. Walaupun ketiadaannya tidak mengucarkan kacirkan kehidupan manusia akan tetapi keberadaannya membantu untuk memudahkan urusan hidup manusia (JAKIM, 2015).

3. Al-Tahsiniyyah

Maslahah yang diperlukan sebagai kesempurnaan untuk menjaga kehormatan hidup manusia yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik serta meninggalkan keadaan yang buruk menurut akal yang waras. Perkara ini diperlukan demi kelancaran hidup bermasyarakat namun ketiadaannya tidak akan memberi kesan yang besar kepada kehidupan manusia (JAKIM, 2015).

Secara keseluruhannya, *maqasid syariah* memainkan peranan yang penting terhadap kehidupan seluruh umat Islam baik untuk kesenangan di dunia mahupun di akhirat. Matlamat asas *maqasid* itu sendiri untuk melindungi masyarakat demi menjaga kemaslahatan umat Islam perlu diraikan oleh semua pihak. Pemerintah juga digalakkan untuk menerapkan konsep *maqasid syariah* dalam penetapan setiap dasar dan undang-

undang agar negara tidak hanya bergantung kepada prinsip barat sahaja akan tetapi juga kepada piawaian Islam.

PERBINCANGAN

Pendekatan Pencegahan Rasuah di Zaman Rasulullah dan Sahabat

Islam menolak sekeras-kerasnya rasuah dan bersungguh-sungguh melarang umatnya daripada terjerumus ke dalam dosa. Rasuah pada zaman Rasulullah dan para sahabat boleh dikatakan tidak banyak diamalkan dalam kalangan mereka. Oleh sebab itu tiada badan atau jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Rasulullah SAW untuk membanteras rasuah (Sanusi, 2016).

Apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam mengatasi rasuah secara tidak langsung adalah dengan memberikan contoh teladan yang baik dalam kepimpinan dan hidup secara sederhana. Baginda amat tegas dalam membanteras rasuah sehingga dalam kes perebutan tanah yang berlaku pada zamannya, baginda tetap memenangkan pemilik tanah walaupun pihak kedua hebat berhujah dan berdalih (al-Sayuti, t.th).

Selain itu, Rasulullah sentiasa bersikap adil dalam meleraikan persengketaan antara dua pihak dengan mendahulukan undang-undang tanpa memandang bangsa, agama dan taraf sosial masyarakat mereka. Ibnu Khasam dalam kitab sirahnya pernah meriwayatkan bahawa Uthbat bin Robiat seorang tokoh yang berpengaruh dalam masyarakat Quraisy datang menemui Rasulullah SAW dengan menawarkan harta yang boleh menjadikan baginda seorang yang paling kaya, menawarkan jawatan yang paling tinggi dan wanita-wanita cantik sekiranya itu yang baginda inginkan dalam perjuangan agama yang dibawa. Namun baginda menolak segala tawaran itu dengan tegas dan tenang kerana bukanlah itu yang diperjuangkannya (Azman, 2009).

Pendekatan pencegahan rasuah ini juga dicontohi oleh Saidina Umar Al-Khattab semasa pemerintahannya dengan pelbagai lagi pendekatan tambahan. Beliau sangat tegas dalam urusan pentadbiran dan cekap dalam membaca segala kemungkinan untuk berlakunya rasuah sehingga melakukan pengawasan sendiri terhadap seluruh urusan pentadbiran negara bagi mengelakkan sebarang penyelewengan berlaku (Nor Najdah, 2018).

Sahabat nabi itu pernah mengambil tindakan terhadap Abu Hurairah kerana menerima hadiah dari pembayar zakat semasa mengutip zakat, menyuruh anaknya mengembalikan hadiah gelang emas yang diberi oleh pengawas Baitulmal dan melarang pegawainya serta rakyatnya menerima hadiah sesama mereka (Hamka, 1990). Suatu hari isterinya telah menghadihkan satu botol minyak wangi kepada Ratu Rom dengan menggunakan duit kerajaan dan telah mendapat balasan dengan berlian. Beliau menyuruh isterinya mengembalikan berlian kepada negara kerana ianya adalah balasan dari pemberian yang digunakan dari duit kerajaan (Mohd Ezam, 2015).

Secara umumnya pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah dan sahabat baginda Umar Al-Khattab adalah dengan memberikan contoh teladan yang baik, tegas dalam setiap urusan dan juga bersifat adil serta amanah dalam tanggungjawab mereka sebagai pemerintah. Mereka juga telah membanteras rasuah ini bermula dengan menjaga diri mereka sendiri kemudian isteri, anak-anak, keluarga, pekerja, masyarakat dan negara dengan berhati-hati atas setiap urusan yang melibatkan harta benda kerana menyedari bahawa sekecil-kecil perbuatan yang mengambil hak orang lain boleh membawa kepada dosa.

Justeru itu, setiap pemerintah dan pekerja muslim perlulah sentiasa peka dalam setiap urusan yang dilakukan dengan mencontohi akhlak dan peribadi Rasulullah dan sahabatnya yang sangat teliti dalam setiap pekerjaan mereka agar setiap perbuatan dan tindak-tanduk kita bebas daripada rasuah dan segala hasil daripada wang yang haram dapat dijauhkan.

Pendekatan Pencegahan Rasuah Menurut *Maqasid Syariah*

Prinsip *maqasid syariah* merupakan kunci utama bagi membantu melancarkan tadbir urus sesebuah kerajaan melalui peranan pembentukan individu bagi menjamin sebuah negara yang sempurna. Kesejahteraan hidup individu dan masyarakat akan terjamin sekiranya tiga masalah penting dalam *maqasid syariah* iaitu *maslahah daruriyat* (keperluan asas), *hajiyyat* (keperluan tambahan) dan *tahsiniyyat* (pelengkap) dipenuhi dengan cara yang seimbang.

Salah satu komponen penting dalam *maqasid syariah* adalah *hifz Al-nafs* iaitu pemeliharaan nyawa di mana komponen ini berkait rapat dengan pemeliharaan maruah, persaudaraan, kesaksamaan sosial, keadilan, peningkatan rohani dan moral, keselamatan hidup, harta dan kehormatan, kebebasan, pendidikan, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan pekerjaan.

Setiap manusia haruslah menjaga kehidupan mereka dalam apa jua keadaan baik ketika susah mahupun senang, miskin atau kaya, pemimpin atau pengikut dan muslim atau bukan muslim. Menjadi seorang pemimpin yang amanah, bertanggungjawab dan menjauhi amalan rasuah juga merupakan satu aspek pemeliharaan nyawa. Pemeliharaan nyawa tidak hanya tertumpu kepada pembunuhan atau perkara yang boleh meragut nyawa akan tetapi juga berkait dengan integriti seseorang.

Integriti seorang pekerja atau pemimpin perlulah dijaga demi menjaga kemaslahatan masyarakat lebih-lebih lagi jika seseorang itu bekerja di dalam sektor yang mengendali hak-hak manusia. Seorang pemimpin mahupun pekerja perlulah sedaya upaya menjauhkan diri daripada perbuatan menerima atau memberi rasuah kerana ia hanya akan mencemarkan jati diri seorang Muslim di khalayak ramai dan juga dibenci oleh Allah serta agama. Para pemimpin akan dipercayai dan dihormati sekiranya mereka memiliki kewibawaan yang berintegriti. Kemampuan dalam berbicara, penghafalan al-quran dan hadith mahupun penampilan diri yang terzhahir kepada masyarakat itu tidak akan menjamin kepercayaan jika integriti dalam diri pemimpin itu dipersoal.

Seseorang pemimpin itu boleh mengambil pendekatan *maqasid hifz Al-Nafs* (pemeliharaan nyawa) dalam mencegah dirinya daripada rasuah dengan menanamkan 5 konsep yang pernah diperkenalkan oleh Abdullah Nasih Ulwan bagi menghindari seseorang daripada penipuan (Abdullah Nasih Ulwan, 1999). Konsep tersebut terdiri daripada mu'ahadah (mengingati perjanjian dengan Allah), muraqabah (selalu diawasi dan disertai oleh Allah), muhasabah (tahu kemampuan yang ada padanya), mu'aqabah (memberi hukuman terhadap diri sendiri) dan mujahada (bersungguh-sungguh dalam bekerja dan berjuang).

Konsep-konsep tersebut juga dikenal sebagai wasilah kepada *thahirun nafs* oleh Sa'id Hawwa (2014) iaitu pembersihan diri dari kekafiran, kemunafikan, kefasikan, bid'ah, syirik, riya', cintakan pangkat, hasad dengki, sombong, marah yang melampau serta menuruti hawa nafsu. Konsep ini jika diterapkan ke dalam diri setiap pemerintah dan pekerja diyakini dapat membantu mereka dalam menghadapi setiap cabaran kehidupan dan menentang tarikan yang batil termasuklah jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Antara contoh yang patut diteladani adalah daripada keperibadian Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang ke-2.

Beliau pernah melakukan lawatan ke luar negara dan meminta pembantu peribadinya membelikan ubat gigi dan krim rambut. Pembantunya kemudian ditegur oleh beliau kerana telah memasukkan bil pembelian tersebut kedalam tuntutan perbelanjaan perjalanan dan mengingatkan bahawa adalah salah untuk perbelanjaan peribadi seseorang itu dibayar daripada sumber kewangan kerajaan. Sifat menjaga integriti dan mengelak kepentingan peribadi ini patut dicontohi oleh pemerintah dan pekerja dalam menjalankan setiap amanah yang diberikan kepada mereka (Mohammed Tarmize, 2014).

Selain itu, pendekatan *hifz Al-Nafs* juga boleh diterapkan dengan cara setiap pekerja dan pihak atasan organisasi memastikan sumber pekerjaan mereka adalah bersifat halal dan tidak mengandungi perkara-perkara haram atau bersifat syubhah

seperti hasil rasuah dan penipuan (Noraida Harun (2017). Daripada Al-Nu'man Ibnu Bashir r.a berkata, Rasulullah S.A.W bersabda:

“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram juga jelas. Bagaimanapun di antara keduanya terdapat perkara yang tidak jelas (syubhah), yang mana orang tidak mengetahuinya. Barangsiapa yang memelihara dirinya dari perkara syubhah maka dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya.” (Hadis Riwayat Muslim, Bab akhzu al-halal wa tark al-syubuhah, 4178)

Hasil kerja seseorang itu juga perlulah dihiasi dengan etika kerja yang baik seperti tekun, rajin, ikhlas, amanah dan komited dalam kerja (al-Qudsy, 2008). Konsep amanah amat ditekankan oleh Islam kerana ia merupakan kewajipan agama yang wajib dilaksanakan di mana ia turut membawa pahala dan dosa. Seorang yang tidak amanah pada kerja bermakna ia tidak amanah pada diri sendiri dan masyarakat.

Pendekatan *maqasid hifz Al-mal* (pemeliharaan harta) juga merupakan satu aspek penting dalam pencegahan rasuah. Al Juwaini dan Al-Ghazali (2006) menerangkan bahawa pemeliharaan ini sebagai perlindungan kepada harta benda rakyat, manakala menurut Al-Shatibi dalam buku tulisan Al- Raysuni (2006) *‘Imam Al Shatibi’s Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law’* pula bahawa ia adalah larangan terhadap ketidakadilan, menafikan hak-hak anak yatim terhadap harta mereka, pembaziran, iri hati serta memberikan sukatan dan timbangan yang salah. Islam telah menggariskan prinsipnya iaitu *al-adl wal ihsan* dalam pemeliharaan harta (JAKIM, 2015).

Hal ini kerana pendekatan Islam amat menitikberatkan keadilan melalui pengharaman rasuah kerana perbuatan tersebut akan menyebabkan penindasan dan kezaliman terhadap hak orang lain. Gejala rasuah ini hanya memburukkan lagi taraf kemiskinan kerana sumber yang ditetapkan bagi membantu rakyat kurang berkemampuan, diselewengkan individu tidak amanah dan sentiasa tamak tanpa memikirkan kesannya terhadap orang lain. Ia juga mengakibatkan ketidakadilan kerana pemimpin itu sendiri mengetepikan hak orang tertentu dan membebankan golongan susah.

Kerajaan Malaysia sering menyasarkan untuk membasmi pembasmian kemiskinan tetapi kerana sikap kurang bertanggungjawab dan pilih kasih terhadap sesetengah pihak menyebabkan hak orang yang kurang berkemampuan itu jatuh ke tangan orang lain yang lebih mampu. Penerapan sifat adil dalam diri pemerintah adalah sangat penting supaya harta masyarakat tidak dikhianati dan digunakan dengan cara yang tidak sepatutnya.

Pendekatan *hifz Al-Mal* juga boleh diterapkan dengan cara pemerintah atau pihak bertanggungjawab mengemaskini semula sistem urus tadbir dari segi ketulusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Pihak pemerintah perlu memastikan aliran masuk dan keluar wang negara adalah daripada dan ke sumber yang betul agar penyelewengan harta atau wang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab tidak berlaku.

Satu urus tadbir yang baik akan menjamin kepercayaan rakyat terhadap pengurusan negara seterusnya aspek pemeliharaan harta juga terjaga. Kesalahan rasuah merupakan satu kesalahan yang tidak ditetapkan hukumannya sama ada hudud mahupun qisas. Ia dikategorikan sebagai kesalahan yang dihukum dengan hukuman ta’zir iaitu hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah disebabkan ketiadaan hukum dalam al-quran mahupun hadis. Oleh itu, pendekatan *hif Al-mal* juga boleh digunakan dengan cara merangka satu hukuman kepada pesalah-pesalah rasuah berdasarkan hukuman ta’zir.

Antara bentuk hukuman ta’zir yang boleh diaplikasikan secara berperingkat bagi pesalah rasuah adalah dengan memberi nasihat, hukuman pemulauan, membuat pengisytiharan kepada umum, denda dan rampasan harta, hukuman penjara seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara sekarang ini, hukuman sebat, hukuman bunuh serta hukuman buang daerah. Hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah rasuah sekarang juga merupakan daripada hukuman ta’zir namun kerajaan boleh melakukan penambahbaikan hukuman yang sedia ada dengan merangka hukuman secara berperingkat supaya keberkesanannya dapat diukur dan kaedah pencegahan yang terbaik dapat dikesan.

Islam menitikberatkan keseimbangan antara kerohanian dan kebendaan kerana Allah menjadikan setiap negara mempunyai sumber pendapatan. Namun sumber pendapatan tersebut perlulah daripada sumber yang halal dan tidak melibatkan sebarang unsur-unsur syubhah seperti rasuah. Justeru, pendekatan *maqasid syariah* amat sesuai untuk dijadikan kaedah tambahan dalam pencegahan rasuah agar amalan rasuah di Malaysia dapat dikurangkan dari semasa ke semasa. Keadah pencegahan yang menerapkan pendekatan *maqasid syariah* diyakini dapat membantu menjaga kemaslahatan individu, keluarga, masyarakat dan negara agar keberkatan hidup di dunia dan akhirat sentiasa diutamakan.

PENUTUP

Rasuah merupakan satu perbuatan yang dilarang dalam agama Islam. Pendekatan menangani rasuah berdasarkan *maqasid syariah* dalam konteks *hifz Al-nafs* boleh dilaksanakan dengan menerapkan konsep *thahirun nafs*, memastikan hasil pekerjaan daripada sumber halal dan mengamalkan etika kerja yang baik. Manakala dalam konteks *hifz Al-mal* ia boleh dilaksanakan dengan menerapkan sifat adil dalam pengurusan, mengemaskini urus tadbir dengan amanah dan merangka hukuman *ta'azir* bagi pesalah rasuah.

Gejala rasuah dalam kalangan masyarakat dan pemimpin haruslah dibendung melalui pendekatan yang berkesan dan sistematik. Penerapan konsep *maqasid syariah* oleh pihak kerajaan terhadap kaedah pencegahan rasuah perlu dititikberatkan. Hal ini kerana ianya membantu memberi kesedaran kepada seseorang Muslim dan membuka mata mereka berkenaan larangan rasuah bukan sahaja termaktub di dalam undang-undang Malaysia namun ia turut ditegah oleh syara' demi menjaga kemaslahatan diri dan juga masyarakat.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), USIM yang membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Geran Penyelidikan USIM, bertajuk "Pendekatan Bersepadu Pencegahan Rasuah Berdasarkan Kerangka Syariah di Malaysia"; Kod Penyelidikan: PPPI/FSU/0122/USIM/15722. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

- Abdullah Nashih Ulwan. 1999. *Tarbiyah Ruhiah*. Penterjemah Ajid Muslim, Aunur Rafiq Shaleh Tamhid. Jakarta: Robbani Press.
- Abdullah Tayyar. T.th. *Kitab Wabl Al-Ghamamah Fi Sharh Umdat Al-Fiqh Li Ibn Qudamah*. Maktabah Shamilah, 294.
- Ahmad, Shofian. 2008. *Jenayah Rasuah: Bentuk dan Hukum Menurut Islam*. In Md. Nor, Siti Zalikah, Jilid 4- Fiqh Jenayah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 63.
- Ahmad Mukhtar 'Umar. 2008. *Kitab Mu'jam Al-Lughatu Al-'Arabiyyah Al-Mu'asirah*. Kaherah: 'Alam Al-Kutub, 1189.
- Al-Attas, Syed Hussein. 1995. *Rasuah, Sifat, Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chapra. 2008. *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Syariah*. Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute.
- Al-Fasiyy, 'Alal. 1966. *Maqasid Al-Syari'ah Al-Islamiyyah Wa Makarimuha*. Rabat: Matabi' Al-Risalah.
- Al-Fayumiyy. 1909. *Al-Misbah Al-Munir Fi Gharib Al-Sharh Al-Kabir Li Al-Rafi'iy*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, 411.
- Hamka. 1990. *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Harun, Kamal Mahyuddin. 1998. *Abdullah Nashih Ulwan Menuju Ketakwaan (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

- Ibn 'Ashur, Muhammad Al-Tahir. 2004. *Maqasid Al-Shari'ah Al-Islamiyyah*. Qatar: Wazarat Al-Awqaf Wa Shu'un Islamiyyah.
- Al-'Imraniyy. 2000. *Kitab Bayan Fi Mazhab Imam Syafie, Bab Adabu Al-Qada'*. Jeddah: Darul Manhaj, h.64
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan. 2019. *Mencegah Rasuah: Pendekatan Integriti dan Tadbir Urus yang Berkesan*. 1-36.
- Institut Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. 2020. *Kursus Integriti Dan Rasuah*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Masyarakat, 128-131.
- JAKIM. 2015. *Indeks Syariah Malaysia, Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 15-24.
- Majmu'ah Min Al-Mualifin. t.th. *Kitab Al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Wizarah Al-Awqaf Wa Shu'un Islamiyyah.
- Makhdum, Mustafa bin Karamatullah. 1999. *Qawa'id Al-Wasa'il Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyah*. Dar Al-Ishbiliya.
- Mohd Ezam Mohd Nor & Septo Waluyo. 2015. *Islam dan Perbendaharaan Kisah dan Teladan*. Putrajaya: MOF, 64.
- Mohammed Tarmize Abdul Manaf. 2014. *Nota Pencegahan Rasuah*. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Al-Rahuniyy, Muhammad Bin Ahmad Bin Yusuf. t.th. *Hashiah Al-Rahuniyy 'Ala Sharh Al-Zurqaniyy*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, h. 294.
- Al-Raysuniyy, Ahmad. 2006. *Imam Al-Shatibi's Theory of The Higher Objective and Intents of Islamic Law*. Introduction by Taha Jabir Al-Alwani. USA. International Institute of Islamic Thought, Herdon.
- Al-Sayuti, Jalaluddin. 2002. *Asbabun Nuzul: Sejarah Turunnya Ayat-Ayat Al-Quran*. Terjemahan Shaleh, K.H. Qamaruddin, Dahlan, H.A.A & Dahlan, H.M.D. Kuala Lumpur: Victor Agency, h. 81.
- Al-Suyutiyy, Jalal Al-Din 'Abd Al-Rahman Bin Abi Bakar. t.th. *Al-Ashbah Wa Al-Naza'ir*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, h. 42.

Jurnal

- Afriadi Sanusi & Sharifah Hayaati Syed Ismail. 2016. *Analisis Strategi Membanteras Rasuah Menurut Islam*. Online Journal Research in Islamic Studies, Jil. 3(2): 33-51.
- Azman Ab Rahman. 2009. *Jenayah Rasuah: Konsep dan Kedudukannya Dari Sudut Syarak dan Undang-Undang*. Shariah Law Reports, Jil 1: 10-31.
- Enida Daud. 2019. *Faktor-Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Niat Individu Untuk Mengamalkan Rasuah Di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan*. Jurnal Kemanusiaan 7(2): 6-19. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Fethi B. Jomaa Ahmed. 2018. *Corruption According to the Main Sources of Islam*. Intellectual Discourse. Vol. 26(1):91. IIUM Press.
- Haji Hamil, Jamaie. 2020. *Dinamika Pembangunan Melayu: Dari Kepimpinan Umno*. Journal Of International Studies, 1: 133-151.
- Noraida Harun, Zaidi Hasim. 2017. *Rasuah Dalam Pentadbiran Tanah: Penyelesaiannya Menurut Islam*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Bil. 15: 41.
- Al-Qudsy, Sharifah Hayati. 2008. *Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia*. Jurnal Pengajian Melayu, Jil. 19: 187- 205.

Tesis

- Nor Najdah Ab Rahman. 2018. *Khalifah Umar Bin Abd al-Aziz dan Mekanisme Yang Dilaksanakan Dalam Pencegahan Rasuah*. Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM.

Internet

- Abdullah, Ridhuan Tee. 2009. Makan Rasuah dengan Makan Babi: Mana Lebih Berdosa? Artikel al-Islam. <http://ridhuant.blogspot.com/2009/10/makan-rasuah-dengan-makan-babi-mana.html> (diakses pada 8 Mac 2022)
- Akbar Satar. 2021. Adakah Keputusan CPI 2020 Akan Menurun? https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=1522&cat=BKH (diakses pada 1 Nov 2021).
- JAKIM. 2021. Tiga Kategori Masalah. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/tiga-kategori-masalah-kebaikan> (diakses pada 8 Mac 2021).
- Persekutuan, Pejabat Mufti Wilayah. 2019. Maqasid Syariah Dalam Perubatan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan> (diakses pada 8 Mac 2021).

Akta

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. 2009. (Akta SPRM 2009)[Akta 694].

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.